



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Kad Kredit Online Acquisition Flash Deal 2025 Maybank

Terma & Syarat

Kempen Kad Kredit Online Acquisition Flash Deal 2025 Maybank ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142) ("**MBB**") dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) ("**MIB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maybank**").

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada **1^{hb} September 2025 pada 00:00:00 AM (MYT)** dan akan berakhir pada **30^{hb} September 2025 pada 11:59:59 PM (MYT)** [termasuk kedua-dua tarikh] ("**Tempoh Kempen**")

2. Pelanggan Yang Layak

- a. Tertakluk pada Terma dan Syarat, Kempen ini terbuka kepada semua individu baharu kepada bank dan/atau pelanggan sedia ada Maybank yang merupakan warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia serta tidak mempunyai sebarang kad kredit Mastercard, Visa atau American Express sedia ada yang dikeluarkan oleh MBB / MIB ("**Kad Kredit Maybank**") dan yang telah mencapai umur 21 tahun dan ke atas semasa membuat permohonan untuk satu atau lebih Kad Kredit Maybank sebagai Pemegang Kad Utama semasa Tempoh Kempen ("**Pelanggan Yang Layak**").
- b. Bagi melayakkan diri untuk Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memohon mana-mana satu atau lebih Kad Kredit Maybank melalui Maybank2u di www.maybank2u.com.my ("**Laman Sesawang M2U**") atau aplikasi *Maybank Anytime Everywhere* ("**MAE**") dengan melengkapkan borang permohonan elektronik Kad Kredit Maybank dan memuat naik semua dokumen sokongan yang diperlukan di Laman Sesawang M2U atau Aplikasi MAE.
- c. Orang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
 - i. Kakitangan Kumpulan Maybank (semua pekerja tetap atau kontrak MBB & anak syarikatnya di Malaysia);
 - ii. Syarikat milikan tunggal, perkongsian, pertubuhan/ pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial;
 - iii. Mana-mana Pelanggan Yang Layak yang telah membatalkan mana-mana Kad Kredit Maybank dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh permohonan dan memohon semula untuk Kad Kredit Maybank yang lain;



- iv. Mana-mana Pelanggan Yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa salah laku, penipuan, perbuatan salah atau lalai dan melanggar terma berhubung dengan akaun, sebarang kemudahan dan/atau sebarang perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank; dan/atau
- v. Pemegang Kad Kredit Maybank sedia ada yang dikeluarkan di Malaysia.

3. Mekanik dan Syarat Kempen

- a. Untuk bertanding bagi memenangi hadiah, Pelanggan Yang Layak mesti memohon satu atau lebih Kad Kredit Maybank melalui Laman Sesawang M2U atau permohonan MAE dengan melengkapkan borang permohonan Kad Kredit Maybank elektronik dan memuat naik semua dokumen sokongan yang diperlukan di Laman Sesawang M2U atau aplikasi MAE ("**Platform Yang Layak**") semasa Tempoh Kempen.
- b. Untuk memenangi hadiah wang tunai RM20, Pelanggan Yang Layak mestilah merupakan dua ratus (200) pelanggan pertama minggu itu yang menghantar permohonan kad kredit mereka melalui Platform Yang Layak dalam tempoh yang ditetapkan untuk minggu tersebut ("**Tempoh Kelayakan**") yang akan melayakkan peserta menerima SATU (1) penyertaan bagi pemilihan pemenang mingguan untuk memenangi hadiah wang tunai RM20. **Tempoh Kelayakan bermula dari hari Isnin setiap minggu.**
- c. Dua ratus (200) pemenang hadiah wang tunai pertama akan dipilih setiap minggu, menjadikan sejumlah lapan ratus (800) pemenang hadiah wang tunai semasa Tempoh Kempen.
- d. Untuk mendapatkan penyertaan bagi memenangi hadiah Wang Tunai Sepuluh Ribu (RM10,000), Pelanggan Yang Layak mesti diberikan kad kredit yang diluluskan yang dipohon semasa Tempoh Kelayakan Kempen dan perlu melaksanakan transaksi runcit tunggal atau terkumpul dengan jumlah perbelanjaan minimum sebanyak RM300 ("**Perbelanjaan Kelayakan**") dalam tempoh tiga puluh hari (30 hari) dari tarikh kelulusan kad kredit. Pelanggan Yang Layak akan dimaklumkan mengenai status kad kredit melalui SMS yang dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan atau direkodkan dalam sistem Maybank.
- e. Berdasarkan permohonan yang diterima, seramai lapan (8) Pelanggan Yang Layak bertuah yang telah memenuhi kriteria kelayakan dan Perbelanjaan Kelayakan akan disenarai pendek melalui sistem rawak Maybank untuk memenangi wang tunai Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi Kempen.
- f. '**Hadiah**' hendaklah ditakrifkan sebagai termasuk kedua-duanya, iaitu hadiah wang tunai RM20 dan Wang Tunai Sepuluh Ribu (RM10,000).
- g. Kriteria kelayakan digambarkan dalam jadual seperti di bawah:

Kriteria kelayakan untuk wang tunai RM20:



Minggu	Tempoh Kelayakan (Tarikh permohonan diterima yang dicatat dalam sistem Maybank)	No. Pemenang: penyerahan yang berjaya (Siapa cepat dia dapat)	Hadiah (Penyerahan)
1	1 September 2025 – 7 September 2025	200	Hadiah wang tunai RM20(800 pemenang sepanjang Tempoh Kempen)
2	8 September 2025 – 14 September 2025	200	
3	15 September 2025 – 21 September 2025	200	
4	22 September 2025 – 30 September 2025	200	

Bulan	Tempoh Kelayakan (Tarikh Permohonan Kad Kredit Diterima dan Diluluskan)	Tempoh Transaksi	No. Pemenang: Perbelanjaan Minimum RM300	Hadiah (Perbelanjaan minimum RM300)
1	1 September 2025 – 30 September 2025	Perbelanjaan runcit minimum RM300 dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh kelulusan kad	<i>Dihadkan kepada 8 pemenang bertuah</i>	Wang tunai RM10,000 (8 pemenang sepanjang Tempoh Kempen)

- h. Penyertaan dalam Kempen ini adalah automatik setelah Pelanggan Yang Layak memohon Kad Kredit Maybank semasa Tempoh Kempen. Tiada borang penyertaan atau pendaftaran diperlukan.
- i. Syarat Perbelanjaan Kelayakan minimum sebanyak RM300 untuk transaksi runcit tidak boleh digabungkan dengan Kad Kredit Maybank lain yang dimohon pada masa yang sama.
- j. Pemegang Kad Tambahan tidak layak menerima Hadiah untuk Kempen ini. Walau bagaimanapun, bagi setiap Pemegang Kad Utama yang merupakan Pelanggan Yang Layak, Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan akan disatukan di bawah akaun kad Pelanggan Yang Layak bagi tujuan mengumpul



Perbelanjaan Kelayakan minimum yang relevan.

k. Senario ini menyediakan ilustrasi seperti berikut:

Kategori	Produk yang Dipohon	Tarikh Permohonan Kad Kredit	Tarikh Kelulusan Kad Kredit	Tarikh perbelanjaan RM300 (jumlah terkumpul / Jumlah perbelanjaan pada satu resit)
A	Kad Visa MBB / MIB	5 ^{hb} September 2025	7 ^{hb} September 2025	Pada / Sebelum 16 ^{hb} September 2025
B	Kad American Express MBB / MIB	17 ^{hb} September 2025	20 ^{hb} September 2025	Pada/Sebelum 8 ^{hb} Oktober 2025

Dalam senario ini, Pelanggan Yang Layak dalam Kategori A akan berada dalam senarai pemilihan pemenang untuk Minggu 1 dan Pelanggan Yang Layak dalam Kategori B akan berada dalam senarai pemilihan pemenang untuk Minggu 3. Kedua-dua Pelanggan Yang Layak akan berpeluang memenangi hadiah wang tunai RM20 HANYA, jika permohonan masing-masing termasuk dalam dua ratus (200) permohonan mingguan PERTAMA. Pada masa yang sama, kedua-dua Pelanggan Yang Layak juga berpeluang memenangi Wang Tunai RM10,000 HANYA jika mereka termasuk dalam senarai lapan (8) pelanggan bertuah yang dipilih oleh sistem rawak Maybank.

Nota: Sekiranya Pelanggan Yang Layak memohon lebih daripada satu Kad Kredit Maybank, Pelanggan Yang Layak berhak untuk hanya satu (1) penyertaan dan layak untuk memenangi Hadiah untuk salah satu daripada Kad Kredit Maybank yang dimohon sepanjang Tempoh Kempen. Kad Kredit Maybank yang digunakan untuk melaksanakan Perbelanjaan Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3 d akan menghasilkan satu (1) penyertaan.



4. Hadiah dan Pemenuhan Hadiah

- a. Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3 akan layak untuk memenangi Hadiah.
- b. Seramai lapan ratus (800) pemenang hadiah wang tunai RM20 akan ditentukan sebagai pemenang berdasarkan siapa cepat dia dapat mengikut tarikh permohonan diterima yang dicatat dalam sistem Maybank.
- c. Pemenang tunai RM20 mesti mempunyai akaun aktif berikut untuk menerima hadiah mereka:
 - i. Akaun simpanan (konvensional) atau;
 - ii. Akaun Simpanan-i (Patuh Syariah).
- d. Seramai lapan (8) pemenang wang tunai RM10,000 akan dipilih melalui program rawak yang dibenarkan oleh Maybank.
- e. Pemilihan pemenang akan diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari akhir Tempoh Kempen.
- f. Pemenang wang tunai RM20 akan diumumkan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari akhir Tempoh Kempen melalui pemberitahuan segera daripada aplikasi MAE sebaik sahaja hadiah wang tunai RM20 telah dikreditkan ke dalam akaun mereka.
- g. Pemenang hadiah Wang Tunai Sepuluh Ribu (RM10,000) akan dihubungi dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari akhir Tempoh Kempen oleh wakil Maybank melalui panggilan ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan atau direkodkan dalam sistem Maybank.
- h. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan panggilan pada hari yang sama atas apa jua sebab dan/atau pemenang ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil Maybank, beliau akan hilang kelayakan daripada Kempen ini dan Hadiah akan diberikan kepada pemenang gantian yang telah dipilih.
- i. Pemenang tunai RM10,000 mesti mempunyai akaun aktif berikut untuk menerima hadiah mereka:
 - iii. Akaun simpanan (konvensional) atau;
 - iv. Akaun Simpanan-i (Patuh Syariah).



- j. Semua pemenang bertanggungjawab untuk memastikan akaun mereka kekal aktif untuk pengkreditan hadiah wang tunai. Sekiranya akaun pemenang tidak aktif, dibekukan, atau ditutup pada masa pengkreditan hadiah, hadiah wang tunai akan dibatalkan, pemenang akan dibatalkan, dan hadiah wang tunai akan diberikan kepada pemenang ganti.
- k. Hadiah wang tunai RM10,000 akan dikreditkan ke akaun aktif pemenang dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tamat Kempen.
- l. Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan mana-mana barangan lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama mengikut budi bicaranya yang munasabah dengan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada pemenang yang akan dimaklumkan melalui laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my dan/atau platform lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- m. Sekiranya pemenang meninggal dunia selepas pemberitahuan, waris, wakil sah, dan/atau pentadbir pemenang boleh menuntut Hadiah tersebut dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh pemberitahuan, sekiranya gagal, Maybank berhak untuk menggunakan budi bicara dalam menguruskan Hadiah termasuk untuk membuat cabutan semula dan/atau memilih mana-mana orang lain sebagai pemenang Hadiah mengikut tindakan yang dianggap sesuai oleh pihak Maybank.
- n. Sekiranya Kempen mempunyai kurang daripada lapan (8) pemenang yang layak, Maybank tidak akan memilih mana-mana orang lain dan/atau membawa Hadiah RM10,000 ke kempen lain.
- o. Maybank berhak untuk meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur, nombor telefon dan tempat kediaman mana-mana pemenang dan Maybank berhak untuk menghubungi pemenang berkaitan dengan sebarang Kempen berkaitan yang mungkin berlaku pada masa akan datang.
- p. Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/debit dan Kod Kebenaran Transaksi bank ("**TAC**"), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali sahaja ("**OTP**") untuk pemenang menuntut hadiah. Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau membatalkan sebarang Hadiah daripada Pemenang jika:
 - i. Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanik Kempen atau pengendalian Kempen;
 - ii. Pemenang didapati atau disyaki melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Kempen; atau
 - iii. Pemenang melanggar kewajibannya atau mana-mana Terma dan Syarat



Kempen ini.

Walau apa pun perkara di atas, Maybank berhak untuk menolak sebarang penyertaan atau pemilihan pemenang mengikut budi bicaranya yang munasabah.

- q. Maybank TIDAK menyediakan penukaran atau pengganti untuk Hadiah jika Pemenang menolak Hadiah yang dihantar dan/atau meminta pilihan alternatif.
- r. Hadiah yang diberikan kepada pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau jenis lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- s. Sekiranya pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk membatalkan Hadiah.

5. Terma dan Syarat Umum

- a. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat Terma dan Syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi



kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; dan
- ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- e. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau pengabaian oleh Maybank.
- f. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- g. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau



didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

- h. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.